

03 MAY 1997

Mahathir-rantau

MALAYSIA MAHU KERJASAMA SELATAN AFRIKA-ASIA TENGGARA DITINGKATKAN

Oleh: E.Sivabalan

GABORONE (BOTSWANA), 3 Mei (Bernama) -- Malaysia hari ini menyeru supaya ditingkatkan hubungan antara rantau Selatan Afrika dan Asia Tenggara bagi merealisasikan sepenuhnya potensi kerjasama Selatan-Selatan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata hubungan sedemikian akan membantu kedua-dua rantau memperkukuhkan kerjasama dalam bidang ekonomi, perdagangan dan pelaburan.

Semasa berucap pada majlis jamuan negara untuk beliau yang diadakan oleh Presiden Botswana Sir Ketumile Masire, Dr Mahathir berkata: "Ini adalah sejajar dengan komitmen kita untuk merealisasikan sepenuhnya potensi kerjasama Selatan-Selatan."

Perdana Menteri tiba di sini hari ini untuk lawatan rasmi lima hari. Beliau diiringi oleh isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan delegasi ahli perniagaan yang diketuai pengerusi Kumpulan Arab-Malaysian Tan Sri Azman Hashim.

Dr Mahathir berkata negara-negara Asia Tenggara adalah komited terhadap konsep serantau itu sejak 30 tahun lepas.

Beliau berkata ujian sebenar terhadap komitmen sesebuah negara kepada konsep serantau ialah kesediaannya untuk memberikan teladan yang baik kepada negara-negara lain dan membuka pasarannya kepada negara jiran dan dari rantau lain.

"Saya yakin bahawa Botswana, dengan dasar-dasar dan inisiatif-inisiatifnya yang baik akan dapat menjayakan proses pembinaan dan kemajuan," kata Dr Mahathir.

Perdana Menteri berkata Malaysia didorong oleh peranan yang dimainkan oleh Botswana dalam mempertingkatkan kerjasama di rantau Selatan Afrika menerusi penyertaannya dalam Masyarakat Pembangunan Selatan Afrika (SADC).

"Keamanan dan kestabilan serta semangat yakin yang wujud di rantau ini akan membantu meningkatkan kedudukan ekonomi rakyat di rantau ini," kata beliau.

Ketika berucap pada mesyuarat perniagaan Botswana-Malaysia di sini selepas itu, Dr Mahathir berkata masanya telah tiba bagi Malaysia dan Botswana untuk mempertingkatkan kerjasama dua hala bagi mewujudkan hubungan ekonomi yang lebih bermakna.

Katanya bentuk hubungan yang dikehendaki ialah kerjasama yang membawa kebaikan kepada kedua-dua negara.

"Negara membangun seperti Botswana dan Malaysia perlu mengambil peluang ini untuk mewujudkan hubungan perdagangan dan perniagaan yang memberi faedah kepada kedua-dua pihak serta perlu bersedia untuk menerima rakan-rakan perdagangan bukan tradisi sejajar dengan aliran ekonomi dunia semasa," kata beliau.

Beliau berkata sejarah tidak lagi menjadi penghalang kepada kedua-dua negara untuk mendapatkan rakan baru dan belajar daripada pengalaman negara-negara lain.

"Di atas dasar itulah Malaysia mencari rakan-rakan baru di Afrika," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir berkata tahap perdagangan Malaysia dan Botswana sekarang adalah sangat kecil berbanding dengan jumlah keseluruhan perdagangan kedua-dua negara.

Beliau berkata perdagangan dua hala meningkat secara beransur-ansur daripada AS\$17,500 (RM43,750) pada 1992 kepada AS\$541,000 (RM1.35 juta) pada 1996.

Perdana Menteri berkata jika Malaysia tidak dapat mengimport lebih banyak barangan dari Botswana, Kuala Lumpur boleh membantu Botswana untuk mengekport lebih banyak barangan negara itu ke negara-negara lain.

"Yang penting ialah imbalan perdagangan secara keseluruhan. Adalah mustahil untuk menyeimbangkan perdagangan dengan setiap negara," kata beliau.

Dr Mahathir berkata jarak yang jauh antara kedua-dua negara serta kejahilan mengenai potensi satu sama lain menjadi punca kepada kurangnya perdagangan dua hala.

"Oleh itu, kita mendapati tidak banyak produk yang kini diperdagangkan dan juga maklumat mengenai peluang pasaran adalah terhad," katanya.

Dr Mahathir berharap dengan lawatannya itu dan perbincangan hari ini, kedua-dua negara akan dapat memperbaiki keadaan.

Beliau percaya yang sektor swasta Malaysia dan Botswana boleh saling melengkapi dalam industri perbankan, pelancongan dan yang berkaitan dengan industri pertanian.

Perdana Menteri juga percaya interaksi yang lebih antara kedua-dua negara melalui lawatan dan perbincangan akan memperkukuhkan lagi hubungan ekonomi dan meningkatkan hubungan dua hala.

Beliau berkata, Malaysia berharap yang hubungannya dengan Botswana akan melampaui arena perniagaan dan juga memenuhi keperluan pembangunan Botswana.

"Kita sedia bekerjasama di bidang-bidang lain untuk membantu kerajaan Botswana dalam merealisasikan objektif sosio-ekonomi yang kita lebih berkebolehan," kata Dr Mahathir.

Beliau juga memberitahu para peserta yang sektor swasta Malaysia telah banyak memberi sokongan kepada usaha kerajaan Malaysia mempertingkatkan perdagangan, hubungan ekonomi dan komersil bersama ekonomi-ekonomi sedang membangun yang lain.

Perdana Menteri menyeru pelabur-pelabur Malaysia untuk membentuk usahasama bersama rakan mereka di Botswana untuk melombong galian di Botswana yang dikatakan mempunyai potensi untuk menyumbangkan kepada pembangunan ekonominya.

-- BERNAMA

ES MZ AHH